

# Anthropology & Sociology

## Faktor-Faktor Kejayaan Pegawai *Undercover* Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam Penyiasatan Kes Rasuah

Mohd Saud Ayutollah Abdul Manan & Rahimah Abdul Aziz

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email of corresponding author: msayutollah@gmail.com

### Abstrak

Kegiatan jenayah bersindiket yang semakin berleluasa di Malaysia menyebabkan agensi penguatkuasaan di Malaysia khususnya di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menggunakan pendekatan *Intelligence Based Investigation* melalui operasi *undercover*. Kesukaran dalam menjalankan siasatan secara terbuka menyebabkan pegawai *undercover* diperlukan. Hal ini kerana pendekatan *undercover* membolehkan penyamaran dibuat dalam aktiviti penyusupan ke dalam persekitaran sindiket. Isu berkaitan dengan perisikan dan penggunaan *undercover* jarang dibincangkan kerana dianggap sebagai rahsia. Kegagalan dalam pemilihan pegawai *undercover* adalah salah satu penyumbang kepada kegagalan operasi. Persoalan yang timbul, adakah kejayaan pegawai *undercover* dalam penyiasatan kes rasuah disebabkan oleh pembawaan identiti yang berkesan?. Oleh itu kertas kerja ini akan membincangkan faktor-faktor kejayaan pegawai *undercover* dalam penyiasatan kes rasuah. Kajian ini telah dijalankan di SPRM dalam kalangan 10 orang informan yang dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan. Secara umumnya, kajian ini mendapati kejayaan pegawai *undercover* dalam penyiasatan kes rasuah adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah minat yang mendalam terhadap tugas yang diberikan boleh mempengaruhi sikap, kemahiran dan pengetahuan seseorang pegawai *undercover*. Selain daripada itu, tahap motivasi yang tinggi boleh mendorong kepada prestasi kerja yang lebih positif terhadap tugas, tahap integriti dan disiplin yang tinggi semasa menjalankan tugas penyiasatan. Malah pengalaman yang luas dalam operasi turut mendorong kepada kejayaan dalam penyiasatan kes rasuah. Selain daripada kawalan dalaman yang baik dan sokongan yang diterima daripada Jabatan, pemilihan pegawai *undercover* yang sesuai turut memberi kesan terhadap kejayaan operasi. Secara kesimpulannya kejayaan operasi *undercover* bergantung bukan sahaja kepada faktor sendiri tetapi juga kepada faktor persekitaran dan sokongan daripada agensi berkaitan.

**Kata Kunci:** Pegawai *undercover*, Rasuah, Jenayah bersindiket

### 1. Pengenalan

Dalam kepesatan pembangunan negara untuk menjadi sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, Malaysia tidak terlepas daripada ancaman dan masalah rasuah. Terdapat golongan yang berkepentingan dan mempunyai agenda terlibat dalam aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sehingga menyebabkan berlakunya ketirisan dana negara. Akhir-akhir ini banyak dipaparkan di media massa tentang kejayaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dengan tangkapan kes rasuah. Peningkatan tangkapan melibatkan penjawat awam, pegawai agensi penguatkuasa, ahli politik, pegawai berprofil tinggi di dalam kes-kes yang melibatkan jenayah terancang serta perolehan awam menurut statistik yang dikeluarkan oleh SPRM. Statistik tangkapan tahun 2012 sehingga 2016 menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan kadar tangkapan disebabkan oleh penambahbaikan dalam kaedah penyiasatan. Sebelum ini kaedah penyiasatan konvensional digunakan iaitu melakukan penyiasatan melalui hasil maklumat atau aduan orang awam. Kaedah ini dilihat kurang efektif kerana kurang bukti yang diperolehi akibat persekitaran jenayah rasuah yang semakin kompleks mengikut peredaran masa. Pada masa ini jenayah

rasuah merupakan sindiket jenayah terancang dan melibatkan rangkaian individu dan kumpulan (Seng Chuan, 2011). SPRM telah menggunakan pendekatan yang lebih proaktif untuk mengatasi jenayah rasuah. Kaedah penyiasatan yang lebih proaktif ini dikenali sebagai siasatan berasaskan risikan (*Intelligence Based Investigation*). Melalui pendekatan tersebut, SPRM telah menjalankan operasi *undercover* untuk mendapatkan bukti-bukti kesalahan rasuah dan seterusnya berjaya membuat tangkapan serta pertuduhan. Dua faktor utama yang menjadi penyumbang kepada kejayaan pegawai *undercover* dalam penyamaran dan aktiviti penyusupan yang dikenal pasti adalah faktor sendiri dan faktor persekitaran operasi. Faktor sendiri dan persekitaran dilihat sebagai faktor dominan yang menjadi penentu kejayaan seseorang pegawai *undercover* dalam menjalankan tugas.

## **2. Permasalahan Kajian**

Pegawai *undercover* dilihat sebagai salah satu elemen yang penting dalam tugas penyamaran untuk aktiviti penyusupan. Pegawai *undercover* yang melakukan aktiviti penyusupan perlu melakonkan watak dan menjalankan peranan sebagai individu baru yang mungkin bertentangan dengan sifat sebenar serta berbeza dengan kerja hakiki sebagai penjawat awam dan sebagai pegawai siasatan SPRM. Kaedah *Intelligence Based Investigation* (IBI) yang digunakan melalui operasi *undercover* memerlukan seorang pegawai siasatan yang kompeten untuk menggalas tugas sebagai pegawai *undercover*. Tugas tersebut memerlukan seorang pegawai yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang baik dalam melakonkan watak di samping mempunyai sikap yang sesuai. SPRM turut menyediakan kawalan dalaman dan memberi sokongan jabatan sepenuhnya untuk setiap operasi *undercover* bagi memastikan kejayaan operasi. Walau bagaimanapun kejayaan seseorang pegawai *undercover* menjalankan tugas *undercover* banyak bergantung kepada sikap, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada dirinya. Berdasarkan rekod di Bahagian Perisikan SPRM, didapati masih terdapat kegagalan dalam operasi *undercover* walaupun SPRM telah menyediakan keperluan operasi yang mencukupi seperti kewangan, sumber manusia dan mekanisme kawalan dalaman yang mantap. Terdapat pegawai *undercover* yang gagal dalam operasi *undercover* walaupun pegawai berkenaan mempunyai reputasi yang tinggi dalam kerja-kerja *undercover*. Walaupun sokongan daripada pihak Jabatan untuk mana-mana operasi adalah sama tetapi kemampuan pegawai *undercover* adalah berbeza. Kegagalan pegawai *undercover* dalam operasi boleh memberi impak yang besar kepada keselamatan pegawai dan kerahsian operasi. Justeru itu, kajian berkenaan dengan pemilihan pegawai *undercover* dan kejayaan serta kegagalan pegawai *undercover* dalam operasi *undercover* perlu dikaji dengan lebih mendalam. Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, satu kajian perlu dilakukan untuk melihat faktor kejayaan pegawai *undercover* dalam penyiasatan kes rasuah.

## **3. Metodologi Kajian**

Menurut Cohen dan Manion (dlm. Othman Lebar 2006) menjelaskan, metodologi sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data. Justeru itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam bagi mendapatkan maklumat dan memenuhi kajian. Kaedah ini dianggap sesuai kerana melibatkan konsep, teori dan perkara-perkara yang difikirkan subjektif. Perkara-perkara ini sukar diukur atau dinilai dengan kaedah kuantitatif. Hubungkait antara sikap, pengetahuan dan kemahiran serta pengalaman terhadap watak yang dibawa cuba dirungkaikan melalui temu bual mendalam terhadap informan yang terdiri daripada pegawai *undercover* SPRM.

### **3.1 Informan**

Kajian ini telah mendapat kebenaran daripada SPRM dan Bahagian Perisikan untuk mendapatkan maklumat berkaitan operasi di Unit Rekod di Bahagian Perisikan. Maklumat awal berkaitan informan diperoleh daripada informan utama yang dikenal pasti di Bahagian Perisikan seperti temu bual bersama Pengarah dan Ketua Cawangan yang melaksanakan operasi *undercover*. Selain daripada Pengarah dan Ketua Cawangan, informan utama seperti Pegawai Kes dan Pegawai Pengendali *Undercover* turut

ditemu bual bagi mendapat maklumat berkaitan pegawai *undercover* yang dipilih sebagai informan. Kajian melibatkan 10 orang pegawai siasatan SPRM yang pernah terlibat dalam operasi *undercover* sebagai sampel kajian. Kesemua pegawai *undercover* yang ditemu bual telah mendapat kebenaran daripada Pengarah Bahagian Perisikan sebelum pertemuan dibuat. Kesemua pertemuan yang dijalankan untuk proses temu bual dilakukan di lokasi-lokasi yang bersesuaian dan dirasakan selamat. Terdapat informan yang ditemu bual menetapkan lokasi temu bual kerana masa temu bual dijalankan, informan berkenaan terlibat dalam operasi *undercover*.

### **3.2 Kaedah Mendapatkan Data dan Maklumat**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual mendalam. Kaedah temu bual mendalam dipilih kerana kaedah ini boleh membantu secara intensif dan boleh memberikan maklumat yang terperinci berkaitan dengan kes yang dikaji (Bryman, 2004). Secara purata informan telah ditemu bual sebanyak tiga kali dan setiap temu bual mengambil masa lebih kurang dua jam bagi mendapatkan maklumat daripada mereka.

#### **a) Temu bual mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta**

Temu bual mendalam melibatkan 10 orang pegawai *undercover* yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Temu bual ini dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali dengan setiap orang informan. Sesi temu bual ini dilakukan di tempat yang selamat dan tidak membahayakan informan dengan menggunakan soalan berstruktur dan tidak berstruktur. Penyelidik meminta izin daripada informan untuk merakam dan mencatat isi perbualan informan. Pita rakaman dan nota catatan digunakan dalam kajian ini bagi merakam maklumat daripada perbualan informan. Temu bual turut melibatkan informan utama seperti Pengarah, Ketua Cawangan, Pegawai Kes dan Pegawai Pengendali *Undercover*.

### **3.3 Analisis Data**

Setiap data yang diperoleh daripada kaedah temu bual digabungkan dan ditranskripkan untuk mendapat dapatan yang lebih mendalam dan mempunyai kesahan. Selepas proses transkrip, data-data tersebut disusun atur ke dalam bahagian dan dikodkan. Setiap data yang telah diperoleh diinterpretasikan mengikut tema-tema yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data tersebut dipersembahkan secara deskriptif.

## **4. Dapatan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan dua faktor utama yang boleh dikategorikan sebagai penyumbang kepada kejayaan pegawai *undercover* iaitu faktor sendiri dan faktor persekitaran.

### **4.1 Faktor Kendiri**

Kejayaan seorang pegawai *undercover* melakukan tugas-tugas penyusupan bergantung kepada diri pegawai tersebut menjalankan tugasnya. Beberapa perkara asas diperlukan seperti sikap, pengetahuan dan kemahiran dalam penyamaran pegawai *undercover*. Kebiasaannya perkara yang mempengaruhi seseorang sama ada positif atau negatif adalah pengalaman yang pernah ditempuhi, tahap pencapaian akademik, pengaruh ibu bapa, keluarga atau latar belakang sosio ekonomi.

#### **i) Sikap**

Dalam kajian ini mendapati terdapat sembilan elemen sikap yang dinyatakan oleh informan yang menyumbang kepada kejayaan pegawai *undercover*. Antaranya adalah sikap berfikiran terbuka, merendah diri, sabar, bertanggungjawab, jujur, berani, ikhlas, berdisiplin dan personaliti yang baik.

Majoriti informan yang ditemu bual menyatakan sikap sebagai salah satu faktor yang membantu kejayaan mereka untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang *undercover*. Sikap merupakan

satu elemen yang penting kerana apabila sikap positif berada di dalam diri seseorang, ia mendorong untuk menjana gerak kerja bagi mencapai objektif operasi. Tanpa sikap positif, seseorang *undercover* dilihat sebagai kurang minat terhadap kerja dan tanggungjawab yang diberi. Seseorang pegawai *undercover* terikat kepada arahan dan etika serta perundangan yang telah diperuntukkan terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.

### ii) Pengetahuan

Kajian ini memperlihatkan pengetahuan yang ada pada diri pegawai *undercover* yang mendorong kepada kejayaan pegawai *undercover* untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pengetahuan merupakan maklumat yang diperolehi daripada pengalaman, pengadilan dan pemahaman tentang sesuatu nilai. Ia boleh dilihat sebagai satu rangka pemahaman dan kemahiran mental yang dibina oleh manusia (Clark & Rollo, 2001).

Majoriti informan menyatakan pengetahuan tentang operasi adalah paling utama dalam menjalankan kerja sebagai pegawai *undercover*. Apa jua perkara berkaitan operasi perlu diketahui agar pengurusan risiko dapat dibuat dengan baik. Informan menyatakan bahawa pengetahuan tentang perjalanan operasi amat penting. Pegawai *undercover* perlu tahu tujuan operasi, apa yang perlu dilakukan, sejauh mana tugas yang perlu dilakukan dan peranan yang perlu digalas. Apabila maklumat yang jelas diketahui, pegawai *undercover* bertambah keyakinan mereka untuk tugas-tugas penyamaran dan penyusupan.

Menurut Rusdi (2009), seseorang pegawai penyiasat mesti mempunyai pengetahuan berkenaan undang-undang kes yang disiasat kerana tindakan yang diambil olehnya adalah berpandukan kepada prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang dan organisasi. Bahkan mereka perlu mempunyai pengetahuan yang menjadi panduan dan rujukan dalam membuat keputusan dalam siasatan. Majoriti informan menyatakan bahawa pengetahuan undang-undang membantu kejayaan dalam operasi *undercover*.

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh informan yang ditemu bual, informan menganggap pengetahuan undang-undang adalah penting dalam menjalankan tugas sebagai pegawai *undercover*. Ini kerana undang-undang merupakan pedoman dalam penyiasatan. Setiap kes rasuah yang disiasat perlulah diketahui kesalahan di bawah akta yang berkaitan. Penggunaan alatan teknikal dalam penyiasatan adalah penting bagi merakam bukti-bukti kesalahan rasuah. Operasi *undercover* yang dijalankan memerlukan seseorang pegawai yang berpengetahuan dalam teknologi. Sekiranya pegawai tiada pengetahuan dalam penggunaan alatan serta kurang ilmu teknologi, akan menyebabkan kegagalan dalam mendapatkan maklumat transaksi jenayah rasuah atau amalan rasuah yang berlaku.

Alibi merupakan situasi di mana seseorang pegawai *undercover* menyediakan satu helah bagi mengukuhkan perbuatan dan perkara yang dilakukannya. Ada dalam kalangan informan yang menyatakan alibi yang dilakukan telah menyebabkan beliau mendapat kepercayaan dan sering diajak untuk berbual, justeru hal ini memudahkan kerjanya dalam operasi *undercover*. Berdasarkan temu bual dengan informan, seramai tiga orang informan menyatakan keperluan alibi adalah untuk menyelamatkan keadaan dan perhubungan. Pengetahuan tentang alibi mungkin disebabkan oleh pengalaman yang luas serta secara tidak langsung. Alibi juga merupakan satu cara untuk meyakinkan pihak yang disasarkan.

### iii) Kemahiran

Kemahiran merupakan satu elemen yang diperlukan oleh seseorang pegawai *undercover* dalam melakukan siasatan kes-kes rasuah. Setiap pegawai *undercover* mempunyai kemahiran masing-masing yang membantu dalam kejayaan operasi. Antara elemen-elemen yang terdapat dalam kemahiran pegawai *undercover* yang menyumbang kepada kejayaan operasi adalah kemahiran teknikal, psikologi, pembinaan helah dan alibi, komunikasi, kemahiran mengingat dan kemahiran mengadaptasi dalam

sesuatu persekitaran.

Dalam penyiasatan kes rasuah, kemahiran teknikal tertumpu kepada kemahiran individu dan kemahiran teknikal berpasukan. Bagi individu, kemahiran menggunakan alatan pada bila-bila masa khususnya dalam mendapatkan bukti-bukti kesalahan rasuah yang dilakukan.

Kemahiran psikologi khususnya dalam hubungan manusia akan membantu dalam mencapai maklumat atau kehendak. Bagi konteks jenayah, psikologi manusia adalah sukarnya mempercayai individu di sekeliling. Pegawai *undercover* yang menjalankan tugas dalam operasi *undercover* perlu mempunyai kemahiran psikologi bagi membolehkan usaha memasuki sindiket atau persekitaran sasaran berjaya. Dalam temu bual yang dijalankan menunjukkan beberapa orang informan menyatakan tentang kejayaan operasi berdasarkan penggunaan kemahiran psikologi ketika menjalankan tugas. Ada informan menyatakan kepentingan kemahiran psikologi untuk memastikan pihak sasaran dapat menerima kehadiran pegawai *undercover* tanpa rasa syak.

Alibi merupakan perkara yang penting bagi pegawai *undercover*. Setiap pegawai *undercover* perlu kemahiran melakukan alibi bagi memastikan pihak sasaran tidak mengesyaki dan merasa ragu kepada pegawai *undercover*. Dalam konteks Teori Dramaturgi alibi merupakan salah satu skrip dalam plot cerita yang memerlukan pelakon menghayatinya dengan baik. Alibi yang digunakan bersama-sama emosi, pergerakan badan dan penghayatan yang tepat menyebabkan penonton menerima lakonan tersebut.

Berdasarkan temu bual daripada informan, faktor kebolehan bertutur dalam bahasa asing atau bahasa ketiga membolehkan pegawai *undercover* berjaya memasuki sindiket dan seterusnya membantu mendapatkan maklumat dan bukti rasuah. Kebolehan membaca dan menulis serta bertutur dalam bahasa asing adalah satu kelebihan bagi kerja-kerja risikan. Pegawai *undercover* yang memiliki kemahiran berkenaan akan mudah untuk membawa watak dan peranan yang menggunakan bahasa berkenaan. Bahasa memainkan peranan penting dalam Teori Dramaturgi, apabila melihat konteks penonton, pelakon menggunakan bahasa tertentu dalam lakonan dan bergantung kepada jenis penonton.

#### **4.2 Faktor Persekitaran**

Faktor persekitaran yang dibincangkan adalah faktor-faktor luaran sama ada melibatkan hubungan manusia, budaya, kerjasama serta komunikasi pegawai *undercover* dengan pihak yang terlibat.

*Undercover Agent (UCA)* merupakan agen yang dilantik oleh Jawatankuasa *Undercover* untuk membantu operasi. UCA merupakan individu bukan dalam kalangan Pegawai SPRM yang kebiasaannya merupakan sumber utama dalam memberi maklumat. Selain daripada itu juga UCA memainkan peranan membawa UCO masuk ke dalam persekitaran sindiket. Peranan UCA itu kebiasaannya diambil alih UCO kerana UCA tidak mahu menanggung risiko lebih lama yang menyebabkan dia dalam bahaya.

Kajian yang dilakukan oleh Goffman (1974), telah mengklasifikasikan strategi *undercover* kepada dua dimensi. Strategi pertama adalah mengenal pasti sasaran dengan menggunakan informan bagi mengenalpasti sasaran terlebih dahulu. Strategi kedua adalah menggunakan peluang yang telah dirangka yang melambangkan seperti "*frame*" iaitu, penyediaan fizikal, prop, penawaran atau permintaan pihak sasaran, penampilan dan sikap diri. Peluang yang dirangka ini terdapat tiga ciri iaitu, *setting*, dorongan atau sokongan dan *notice*. *Setting* bermaksud penyediaan fizikal dan mental serta pengukuhan terhadap daya psikologi pegawai *undercover* termasuk pengetahuan tentang lokasi, pengurusan masa, kaedah spesifik yang perlu digunakan serta teknik yang sesuai. Sokongan pula merupakan satu dorongan iaitu elemen psikologi yang digunakan untuk menarik perhatian sasaran. Pegawai *undercover* perlu cemerlang dalam menyediakan penampilan untuk tugas-tugas penyusupan. *Notice* pula

bermaksud darjah kebolehan pihak sasaran mengesyaki pegawai *undercover*.

Budaya rasuah di persekitaran yang berleluasa membolehkan pegawai *undercover* mudah memasuki sindiket. Pihak sasaran melakukan jenayah rasuah secara terang-terangan kerana budaya rasuah yang sebatu di lokasi tersebut. Kesemua informan menyatakan budaya rasuah yang telah sebatu dengan sesuatu persekitaran menyebabkan sasaran tidak takut untuk melakukan aktiviti tersebut. Hal ini memudahkan pegawai *undercover* untuk mendapatkan bukti rasuah dan menyalurkan maklumat kepada pasukan operasi. Seterusnya dibincangkan elemen yang membawa kejayaan pegawai *undercover* iaitu kerjasama.

Dalam menjalankan operasi *undercover* kerjasama diantara pegawai *undercover* dengan pasukan operasi amat penting sejak dari awal hingga tamat operasi. Hubungan diantara Pegawai Pengendali *Undercover*, Pegawai Kes dan pasukan sokongan perlu keserasian dan kerjasama antara semua pihak menjadikan operasi mantap dan mengurangkan risiko kegagalan.

Kerjasama menurut informan adalah kerja secara berpasukan. Dalam operasi *undercover* UCO tidak melakukan kerja penyamaran dan penyusupan secara berseorangan. Ia dibantu oleh pasukan sokongan seperti pasukan risik, intipan dan teknikal. Kerjasama yang erat dalam pasukan boleh memberi dorongan kepada UCO untuk melakukan tugas dengan baik walaupun mengalami kesukaran. Kerjasama yang baik dapat mengurangkan risiko kegagalan operasi.

Elemen perhubungan dalam sesebuah operasi adalah satu perkara yang harus diambil perhatian. Tanpa perhubungan atau komunikasi yang baik operasi akan menghadapi masalah. Komunikasi bukan sahaja dari segi percakapan tetapi ia melibatkan arahan dari jauh yang memerlukan kefahaman dan tindakan yang tepat. Komunikasi juga boleh memotivasikan pegawai *undercover* dan pasukan dalam melaksanakan tugas. Majoriti informan menyatakan faktor komunikasi membantu memudahkan kerjanya sebagai UCO sehingga berjaya menamatkan operasi dengan baik.

Komunikasi yang dinyatakan oleh informan adalah merupakan hubungan baik antara pegawai *undercover* dengan pasukan operasi, terutamanya pegawai pengendali. Arahan atau *change of command* yang tepat dan jelas menjadikan hubungan itu baik dan memberi impak kepada gerak kerja pegawai *undercover*.

## **5. Kesimpulan**

Peningkatan tangkapan kes rasuah akhir-akhir ini adalah dibantu oleh kaedah penyiasatan IBI oleh SPRM. Secara umumnya, IBI adalah salah satu set penyiasatan yang sesuai untuk kes-kes bersindiket dan berprofil tinggi. Dengan menggunakan IBI, rangkaian sindiket secara keseluruhan dapat dikenal pasti dan pengumpulan bukti dapat dibuat. Proses pendakwaan lebih senang dihadapi dengan adanya maklumat dan bukti yang berkualiti dengan melihat gambaran jenayah secara menyeluruh. Namun begitu, pendekatan IBI ini mengambil masa untuk proses penyiasatan, kos operasi yang tinggi serta cabaran risiko yang dihadapi.

Kesimpulannya artikel ini membina satu asas untuk menghuraikan bagaimana kejayaan sesebuah penyiasatan melalui kaedah IBI dibantu oleh faktor sendiri yang ada pada seseorang pegawai *undercover*. Walaupun faktor persekitaran memainkan peranan dalam tugas seseorang pegawai *undercover*, beberapa elemen sendiri dilihat lebih dominan dan perlu ada pada bagi memastikan tugas penyamaran dan penyusupan berjaya dilaksanakan.

Faktor sendiri didapati menjadi kekuatan kepada pegawai *undercover* untuk menjayakan tugas risikannya dalam kes rasuah. Di samping itu juga faktor sendiri juga dapat menghindarkan pegawai

*undercover* untuk tidak terlibat dalam persekitaran jenayah yang boleh mempengaruhinya untuk terjebak. Jelas bahawa, sikap, kemahiran dan pengetahuan mempengaruhi kejayaan seseorang pegawai *undercover* dalam penyiasatan kes rasuah. Kajian yang dijalankan telah memberi jawapan bahawa faktor sendiri dan faktor persekitaran adalah faktor penentu kejayaan kepada seseorang pegawai *undercover* dalam penyiasatan melalui kaedah IBI.

## **6. Rujukan**

- Bryman, A., 2001. *Social research methods*. New York: Oxford University Press.
- lark, T dan Rollo, C., 2001. Corporate initiatives in knowledge management. *Journal of Educational*. 25(4): 327-329. <http://www.tlaine.com/artia122.htm> [1 Jun 2014].
- Goffman, E., 1974. *Frame analysis: an essay on the organization of experiences*. New York: Harper and Row.
- Othman Lebar., 2006. *Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori & metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rusdi Mohd Isa., 2009. Kualiti siasatan pegawai penyiasat jenayah dalam mencerminkan profesionalisme siasatan: Satu kajian di IPD Cheras, Kuala Lumpur. Kertas Projek Sarjana Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Seng Chuan a/l Din Wan., 2011. Operasi "*undercover*" dalam kes rasuah bersindiket: Satu tinjauan awal. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia. (tidak diterbitkan).